

<b>Headline</b>	<b>DBKL akan tebang semua pokok mudah tumbang</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>20 Oct 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>19</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>192 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,462</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 7,385</b>



## DBKL akan tebang semua pokok mudah tumbang

**KUALA LUMPUR** — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang membuat pemeriksaan terhadap pokok-pokok yang mudah tumbang serta patah apabila berlaku hujan lebat dan angin kencang di sekitar ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, pokok-pokok yang ditanam secara segera dan bukan daripada anak pokok dikenal pasti

lebih mudah tumbang, sekali gus mengancam nyawa orang ramai.

Menurutnya, sebanyak 90 kejadian pokok tumbang telah berlaku sejak tahun lalu dan ada antara kes berkenaan menyebabkan kematian.

“Oleh itu, kita meminta bantuan daripada Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia untuk memberi nasihat pokok mana yang perlu ditanam,” katanya selepas merasmikan pameran Art In

The Park yang berlangsung mulai Khamis lalu hingga 2 November depan di Taman Botani Perdana di sini semalam.

Pada 12 Oktober lalu, dua anggota polis dilaporkan maut setelah sebatang pokok besar tumbang ketika hujan lebat lalu menghempap mereka ketika berada di dalam sebuah kontena yang dijadikan tempat simpanan barang kes di Jalan Bellfield, Kampung Attap di sini.

### 2 polis maut kontena dihempap pokok

Oleh HAikal Raman  
haikal.raman@kosmo.com.my

KERATAN Kosmo! 13 Oktober 2014.



AHMAD PHESAL (kanan) mendengar penerangan daripada Nizam Abdullah mengenai hasil seni yang dihasilkannya pada pameran Art in the Park di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur semalam.